

# Program Jualan Termurah Madani diperluas - PM

Oleh **FADZIL ZAINOL**  
utusannews@mediamulia.com.my

**IPOH:** Memahami rintihan rakyat tentang kenaikan harga barang, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu program Jualan Termurah Madani yang menjual barangan basah dan kering, diteruskan serta diperluaskan ke seluruh negara.

Kata Anwar, program itu diharapkan dapat membantu mengurangkan kos hidup rakyat dan beliau sedia menerima sebarang teguran tentang masalah kenaikan harga barang.

“Satu hal yang tidak mudah yang kita lakukan kerana harga pasaran di mana-mana di dunia ketika ini sedang meningkat begitu tinggi yang memberi kesan kepada rakyat.

“Kalau kita cakap pelaburan tinggi, ekonomi baik, orang kata tak juga (kerana) harga barang naik. Saya terima teguran itu. Sebab itu kita cari jalan untuk selesaikan masalah di akar umbi,” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu melawat program itu yang diadakan di padang Taman Klebang Restu, Ipoh di bawah kawasan Parlimen Tambun, di sini semalam.

Program itu dianjurkan dan diusahakan oleh Ahli Parlimen



**ANWAR** Ibrahim mengadakan tinjauan di Pasaraya Mydin di Meru Raya, Ipoh, Perak, semalam. - **UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA**

Bukit Gantang daripada Bersatu, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal.

Perdana Menteri memuji program tersebut kerana dapat menjual harga barangan seperti ayam, ikan dan beras lebih rendah berbanding harga pasaran.

“Saya tengok ikan, ayam dan beras jauh lebih rendah daripada harga pasaran. Kita kena perbanyakkannya,” katanya.

Katanya, kerajaan menerusi Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) akan terus mencari ikhtiar bagi men-

cari penyelesaian peningkatan kos sara hidup.

Anwar turut mengumumkan Syed Abu Hussin Hafiz mengetuai satu daripada kluster atau jawatankuasa menangani harga makanan dan kos sara hidup di bawah NACCOL.